

30 SEP 2000

Haji-Dana (Jordan)/I

JORDAN RANCANG TUBUH DANA HAJI

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Jordan merancang untuk mewujudkan sebuah dana haji sama seperti yang dijalankan oleh Tabung Haji Malaysia untuk menggalakkan rakyatnya menabung bagi menunaikan haji di peringkat umur yang muda.

Dana yang dicadangkan akan ditubuhkan di bawah skop Kementerian Hal Ehwal Islam dan Wakaf.

Ketua Jawatankuasa Hal Ehwal Haji di kementerian berkenaan Dr Abdel Salam Al Abadi memberitahu sesi Persidangan Antarabangsa Panduan Haji di sini bahawa wang dalam dana itu akan dilaburkan untuk mendapatkan keuntungan dan rakyat akan digalak untuk menabung menerusi dana itu dengan pengeluaran bon yang nilainya ditetapkan.

"Draf bagi cadangan penubuhan dana itu kini dipertimbangkan Parlimen," katanya ketika membentangkan kertas kerja mengenai pengurusan haji di negara itu.

Dr Abdel Salam berkata kementerian juga merancang membina sebuah pusat pendidikan bagi jemaah haji untuk membantu mereka menunaikan haji dengan lebih baik.

Beliau berkata projek itu akan mencakupi pembinaan sebuah dewan syarahan bagi 300 orang, sebuah masjid yang dapat menampung 1,500 jemaah dan sebuah perpustakaan.

Empat kertas kerja mengenai pengendalian jemaah haji dibentangkan masing-masing oleh Malaysia, Senegal, Turki dan Jordan pada hari pertama persidangan itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

NJ MAM AKD